

Penswastaan: Kerajaan jimatkan RM45.6 bilion

SEREMBAN 10 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berjaya menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM45.6 bilion menerusi dasar penswastaan dan sekaligus menyangkal dakwaan pelaksanaan program itu hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu sahaja.

Perdana Menteri memberitahu, daripada jumlah tersebut sebanyak RM40.6 bilion adalah perbelanjaan pembangunan manakala RM5 bilion merupakan perbelanjaan mengurus.

Selain daripada itu, kata beliau, projek-projek penswastaan juga telah menghasilkan tambahan modal dalam pasaran saham sebanyak RM10.8 bilion.

“Penswastaan projek-projek ini telah menghasilkan peningkatan kecekapan dan produktiviti. Ini dapat disaksikan daripada kejayaan yang telah dicapai oleh semua entiti yang terlibat,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-41 di Kolej TAFE. Seremban di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, tuduhan bahawa projek penswastaan hanya menguntungkan segelintir golongan iaitu syarikat-syarikat besar dan mereka yang rapat dengan pemimpin negara adalah tidak benar.

“Saya telah menjelaskan perkara ini di beberapa forum yang lalu dan suka saya tegaskan sekali lagi bahawa ini adalah satu tuduhan yang tidak benar.

“Ingin saya tegaskan di sini bahawa program penswastaan telah berjaya membantu usaha pembangunan yang tidak mungkin dibuat oleh kerajaan,” katanya.

Tambah beliau, sebanyak 92,700 kakitangan perkhidmatan awam pula berpindah ke sektor swasta dan mendapat upahan yang lebih tinggi.

Selubungan itu, kata beliau, hasil daripada penjimatan itu, kerajaan berupaya menyalurkan sumber yang ada kepada usaha-usaha lain terutamanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan serta program membasmi kemiskinan.